

Shima yakin ada hikmah sebalik kesulitan

KOSMO ONLINE | 04 September 2019 3:00 AM



Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin (tiga dari kiri) menyampaikan Surat Tawaran Program Rumah Rakyat (PPR) kepada Shima (dua dari kanan) sambil disaksikan oleh Presiden YKAT Datuk DJ Dave (kanan) di pejabat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Putrajaya baru-baru ini.

Penyanyi Shima sama sekali tidak mahu kesempitan hidup dan masalah kesihatan yang membelenggu dirinya dijadikan tiket untuk meraih simpati serta alasan tidak berusaha.

Menurut Shima atau nama sebenarnya Ku Nazhatul Shima Ku Kamarazzaman, 50, walaupun kini dikategorikan sebagai golongan asnaf namun, itu tidak bermakna dia perlu berputus asa dan menyalahkan takdir atas apa yang berlaku.

Jelas pelantun lagu *Teringin* itu, dia enggan menyusahkan orang di sekelilingnya termasuk keluarga kerana sedar setiap orang pasti mempunyai masalah dan tanggungan.

Ikuti temu bual *Kosmo!* bersama Shima yang mendapat bantuan Program Perumahan Rakyat (PPR) di Lembang Subang, Selangor baru-baru ini.

KOSMO!: Adakah Shima masih aktif dalam bidang seni?

SHIMA: Walaupun sudah lama tidak muncul dalam televisyen sebenarnya saya masih ada dalam dunia hiburan. Malah, saya masih menerima tawaran persembahan nyanyian. Namun, disebabkan kesempitan hidup saya terpaksa menjual makanan dan nasi campur untuk mendapatkan wang bagi membeli barangan seharian, membayar sewa rumah serta bil-bil yang lain.

Apakah perasaan anda mengenai perubahan kehidupan daripada seorang bintang popular kepada peniaga gerai makanan?

Ini adalah takdir yang telah tertulis. Hidup saya susah buat masa ini, jadi perlu ikhtiar untuk mendapatkan wang. Suka atau tidak, itulah realiti kehidupan saya dan suami